



- | |
|---|
| <p>1. PEGAWAI PELAJARAN
UNIT PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan / Perhubungan Awam / Komunikasi / Pentadbiran / Pengurusan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

2. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Berkemahiran dalam bidang informasi teknologi maklumat (ICT) dan penggunaan computer.
4. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan / pengetahuan hal ehwal antarabangsa, kewartawanan fotografi (photo journalism) dan penulisan berita dan rencana serta berkebolehan dalam menghadapi orang ramai termasuk wartawan dan pihak media massa adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN:

1. Mengendalikan urusan liputan berita dan wawancara yang dipohonkan oleh pihak media dari dalam dan luar negara.
2. Menjalankan tugas-tugas perhubungan media bagi majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti Kementerian Pendidikan.
3. Menyediakan siaran akhbar, lembar fakta dan lain-lain bahan maklumat bagi kegunaan pihak media serta lain-lain Kementerian dan Jabatan yang berkenaan.
4. Menulis rencana / berita mengenai kegiatan-kegiatan peringkat Kementerian Pendidikan untuk dimuatkan dalam surat berita 'Berita Pendidikan' dan membantu Kerja-kerja penerbitan surat berita tersebut.
5. Menyelaras urusan lawatan korporat di peringkat Kementerian Pendidikan dari dalam dan luar negara.
6. Memantau isu-isu berbangkit dan mengendali aduan dari saluran-saluran media.
7. Menjalankan tugas-tugas rutin perhubungan awam yang lainnya.